

Headline	Hutan poket selari hasrat Garden City WP		
MediaTitle	Wilayahku		
Date	14 Apr 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	50,000
Page No	23	Readership	100,000
Language	Malay	ArticleSize	234 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	MYR 1,364
Frequency	Weekly	PR Value	MYR 4,091



# Hutan poket selari hasrat Garden City WP

**B**AGI menjayakan hasrat 1 juta pokok ditanam di Wilayah Persekutuan dan menepati konsep taman dalam bandar, hutan poket boleh diwujudkan sekali gus meningkatkan kualiti hidup masyarakat bandar.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr Khali Aziz Hamzah berkata, langkah itu juga dapat

memastikan komitmen negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dilitupi dengan kawasan berhutan dan pokok-pokok tercapai.

“Walaubagaimanapun, hutan poket atau hutan kecil ini lebih sesuai diwujudkan di kawasan atau lokasi yang diperuntukkan sebagai kawasan hijau bandar agar kawasan ini terus kekal seiring dengan pembangunan kawasan persekitaran.

“Kawasan hutan poket ini juga berpotensi dijadikan kawasan penanaman secara *ex situ* (*ex situ conservation*) pokok-pokok terancam sebagai satu aspek pendidikan untuk masyarakat bandar.

“Pelbagai spesies yang berlainan saiz boleh ditanam dalam usaha mewujudkan hutan poket ini,” katanya sambil menyatakan, penekanan tema perlu kepada suasana yang mirip dan mimik keadaan semula jadi di dalam hutan.

Dengan itu, jelas beliau, hutan mini akan menyuntik kelainan persembahan reka bentuk landskap dari segi pemilihan spesies tumbuhan, struktur dirian tumbuhan dan kepelbagaian tumbuhan yang tinggi dalam satu-satu kawasan kecil.



**DR KHALI**

Menurutnya, kombinasi tumbuhan mengikut strata sebenar yang terdapat di dalam hutan asli seperti tumbuhan *ground cover*, *understorey*, *canopy* dan *emergent* adalah penting bagi menghasilkan struktur hutan.

Beliau juga memaklumkan, FRIM turut terlibat

dalam pelbagai program yang mengetengahkan kepentingan hutan dan pemuliharaan alam sekitar.

“Sebagai contoh kejayaan membangun sebuah kawasan hutan poket dalam satu kawasan kecil di dalam terminal satelit KLIA sekitar 1995-1998 berkonsepkan *Airport in the forest*, *forest in the airport* (Lapangan terbang di dalam hutan, hutan di dalam lapangan terbang) kejayaan mewujudkan sebuah kawasan,” jelasnya.

Mengulas lanjut, Khali memberitahu, hutan poket di kawasan bandar boleh menjadi lokasi rekreasi dan riadah di samping memainkan peranan penting dalam pendidikan mengenai biodiversiti, alam sekitar dan pemuliharaan hutan.

Ini kerana, katanya, selain beriadah dan berekreasi, melalui kunjungan ke kawasan hutan itu, orang awam boleh mengenal dengan lebih dekat spesies-spesies pokok hutan, khasiat, kegunaan serta kepelbagaian flora dan fauna yang wujud.

Tambah beliau, ia sekali gus meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan pemeliharaan dan puliharaan kawasan hijau serta kawasan hutan bandar. **W K**